

Presented at Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia; August 1998.

## **Muzik Popular Malaysia dan Masyarakat Modern**

**Jeremy Wallach**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

Dalam kebanyakan masyarakat yang moden, muzik popular memainkan peranan yang penting dalam rekreasi, fantasi, dan akhirnya, pembentukan pelbagai jatidiri yang baru, khususnya untuk orang muda. Hari ini saya akan membincangkan tentang beberapa jenis muzik popular yang terkenal di Malaysia masa kini menurut penelitian saya selama dua setengah bulan di sini. Saya juga akan menampilkan contoh-contoh muzik tersebut.

Dalam kebanyakan perdebatan akademik kini terdapat banyak pendekatan yang mengkritik pengaruh media massa ala Barat, seperti muzik popular, sebagai penjajahan berbentuk baru. Hari ini saya hendak mencadangkan bahawa pendapat ini terlalu sempit, kerana pandangan ini tidak membayar perhatian kerencaman sebenar muzik popular di masyarakat moden di dunia global.

Keadaan dalam bidang muzik popular Malaysia sebetulnya sangat rumit sekali. Di televisyen Malaysia terdapat video muzik lagunya berbahasa Melayu, Inggeris, China, Hindi, Tamil dan Indonesia. Di samping itu kalau ke kedai muzik di pasar raya (seperti Mines Wonderland atau Metro Kajang) di pusat bandar, ataupun di sesuatu

warung kecil di pasar malam, ada berbagai kategori irama muzik boleh dilihat, misalnya Rock, Mandarin, Indonesia, Thrash, Melayu, Jazz, Klasik, Country, Blues, Jepun, Male, Instrumental, Oldies, Female, Nostalgia, dan sebagainya. Yang menariknya, kebanyakan rakaman yang dicipta di Malaysia, yang berirama rock ataupun pop, tidak selalu dipisahkan dari album-album yang berasal dari Amerika, Inggeris, Australia dan negara Barat lain. Ini berbeza sekali daripada keadaan di Indonesia: di situ muzik pop dan rock Indonesia hampir sentiasa terdapat di bagian lain dari muzik pop dan rock dari Barat. Tambahan lagi, kalau pergi ke pasar raya di Singapura, kedai muzik di sana ada bagian kecil sekali yang dinamakan "*local*" sahaja. Hampir semua bahagian lain dalam kedai itu dipenuhi muzik dari Barat, kecuali bahagian agak kecil untuk muzik China dan Jepun.

Sebaliknya, di Malaysia muzik popular yang dinyanyikan dalam bahasa Melayu sangat digemari, dan biasanya mengisi lebih kurang setengah ruang setiap kedai muzik di Malaysia. Menurut Craig Lockard, seorang sejarawan Asia Tenggara yang menulis tentang muzik popular, ramai orang muda dari pelbagai kaum suka muzik pop Melayu. Salah satu sebabnya adalah sistem pendidikan yang mewajibkan semua pelajar menggunakan bahasa Melayu baku di sekolah mereka. Oleh sebab itu, sekarang ramai orang yang bukan Melayu boleh memahami lagu-lagu pop dalam bahasa Melayu. Contoh muzik yang pertama ialah lagu biasa dalam irama pop Melayu, dinyanyikan oleh Siti Nurhaliza,

penyanyi yang amat berjaya di Malaysia. Muzik itu mengandungi banyak pengaruh dari muzik pop Barat, khususnya muzik pop "mainstream" seperti Whitney Houston dan Mariah Carey, tetapi juga ada unsur-unsur, yang lebih tersirat, yang berasal dari muzik "asli" -- sejenis muzik kebangsaan Melayu pada masa kemerdekaan yang berdasarkan muzik tradisi Melayu.

Hampir semua lagu Siti Nurhaliza dan ramai penyanyi pop Melayu lain berkaitan dengan tema-tema romantis. Bagaimanapun, semua lagu pop Melayu bukan hanya lagu cinta. Agama juga ialah tema penting dan biasa. Di Malaysia ada muzik Islam tradisional yang sekarang dirakam dengan alat-alat muzik tradisional ataupun alat-alat elektronik, seperti dikir barat. Sekarang bandar Kota Bharu di negeri Kelantan adalah tempat penting untuk produksi rakaman lagu dikir barat. Tambahan lagi banyak kumpulan yang sangat terkenal telah membuat dan merakam lagu-lagu pop tentang Islam. Muzik mereka dipengaruhi oleh muzik tradisional seperti dikir barat yang dinyanyi oleh golongan lelaki. Kumpulan-Kumpulan seperti Raihan dan Brothers juga menambah harmonis vokal dan irama-irama yang rupanya dipengaruhi oleh muzik R&B Amerika. Muzik oleh kumpulan Raihan, yang kebetulan berasal dari UKM, mengandungi beberapa unsur musik pop dari Afrika Selatan secara sengaja supaya muzik mereka boleh menarik para pendengar di luar negeri. Muzik Islam ini menggunakan nilai-nilai produksi (*production values*) yang canggih sekali untuk menyampaikan

mesej positif tentang unsur murni Islam, dan mereka menyanyi dalam bahasa Melayu, Arab, serta Inggeris.

Salah satu jenis muzik lain yang terkenal sekali di Malaysia, khususnya untuk orang dari kelas pekerja, adalah muzik dangdut. Muzik dangdut berasal dari Indonesia. Muzik itu adalah campuran yang memiliki unsur-unsur dari muzik filem India, muzik rock Barat, muzik pop Timur Tengah, serta muzik tradisional Melayu dan Jawa. Mereka di Malaysia yang menyukai muzik ini ialah pekerja Indonesia, tetapi orang Malaysia juga berminat dangdut, dan ada beberapa bintang dangdut yang berasal dari Malaysia juga. Dangdut yang dicipta di Malaysia ada perbezaan tertentu dari segi irama, cara menyanyi, dan pada umumnya produksi lagu dangdut ini menggunakan lebih banyak alat-alat elektronik. Selanjut muzik ini juga dicampur dengan muzik lain. Irama itu dipanggil "dangdut reggae."

Satu fenomena muzik popular di Malaysia yang disebut oleh mereka yang belajar muzik Asia Tenggara adalah "*underground scene*." Kumpulan muzik underground ini biasanya bermain muzik keras dan menyanyi tentang topik yang serius, misalnya pelbagai masalah sosial, perang, dan ketidakadilan. Juga ada lagu tentang cinta, tetapi topik ini lebih jarang diketengahkan berbanding dengan irama-irama muzik lain. Menurut Lan Bear, pemain gitar untuk kumpulan metal thrash "Infectious Maggots," hal yang paling penting adalah memainkan muzik yang memuaskan dia sendiri. Dalam wawancara di majalah ROTTW dia

ujar, "[U]ndergroundlah tempatnya untuk berkarya dengan lebih bebas dan lebih kreatif."

Salah satu tempat lokal yang penting dalam underground scene Malaysia adalah pelbagai studio latihan yang ada di mana-mana. Studio Kemolorg bertempat di pusat membeli-belah Kajang, Selangor. Di situ, banyak remaja, kebanyakannya lelaki, boleh bermain *rock star* untuk dua puluh ringgit per jam. Banyak kumpulan muzik rock bermain di studio latihan itu, termasuk band-band underground yang agak terkenal di Malaysia, seperti FTG dan Suffercation. Tetapi, ramai juga mereka yang bermain muzik di situ yang amatur. Mereka hendak main muzik dengan kawan-kawan untuk *relieve stress*, menurut satu peserta yang berbual dengan saya. Sebenarnya, orang tidak perlu memiliki alat muzik sendiri untuk menggunakan studio itu, kerana semua alat muzik telah disediakan, termasuk amplifier, beberapa gitar, mikrofon, dram, dan efek.

Kumpulan-kumpulan muzik yang saya tonton bermain pelbagai lagu metal dan alternatif yang dimainkan oleh kumpulan muzik dari Amerika (khususnya Metallica, Nirvana, dan Green Day) dan juga kumpulan muzik dari Malaysia seperti XPDC dan Butterfingers. Ramai orang menyanyi dalam bahasa Inggeris, dan seorang pemain gitar berkata kepada saya bahawa bahasa Melayu "tidak sesuai" untuk muzik rock yang keras. Juga ada orang yang lepak di Studio Kemolorg yang

berkata bahawa kumpulan muzik keras Malaysia dianggap *sellouts* kalau mereka menyanyi dalam bahasa Melayu!

Satu hal yang sangat ironis adalah kebanyakan peminat muzik underground adalah orang Melayu yang tidak boleh berbahasa Inggeris dengan baik ataupun memahami lirik-lirik dalam muzik yang mereka suka!

Seleksi muzik terakhir yang saya hendak menghuraikan adalah satu contoh muzik rojak khas Malaysia. Lagu ini dimainkan oleh group Tamil yang dinamakan Nesam. Sugguhpun kebanyakan muzik Tamil yang dijualbeli di Malaysia diimport dari India Selatan (kadang-kadang melalui Amerika Syarikat), juga terdapat muzik Tamil yang dibuat oleh orang Malaysia yang berpengaruh dari beberapa jenis muzik (bukan Tamil sahaja) yang terkenal di Malaysia.

Sebagai kesimpulan, saya tidak boleh memberi presentasi mengenai muzik popular Malaysia tanpa menyebut sebuah lagu tertentu dari filem Titanic. Walaubagaimanapun, saya tidak akan memainkan lagu itu hari ini. Tidak boleh dinafikan bahawa lagu "Hatiku Akan Pergi Terus" atau "My Heart Will Go On" dinyanyikan oleh Celine Dion masih boleh terdengar di mana-mana di Malaysia masa kini. Tetapi, saya harap hari ini saya telah menghuraikan bahawa ada lebih banyak bentuk muzik dalam dunia muzik popular Malaysia daripada lagu-lagu pop barat yang sangat *mainstream* dan komersial. Muzik-muzik yang dinyanyikan dalam bahasa Melayu, China, Tamil, dan sebagainya boleh

mencipta jatidiri kebangsaan yang termoden. Muzik itu, khususnya pop Melayu, juga boleh menyumpang kepada penciptaan jatidiri Malaysia. Dalam muzik “underground” orang yang tidak puashati boleh berkongsi perasaan mereka terhadap keadaan sosial yang mereka dialami. Ada para peminat muzik itu yang lebih suka lagu-lagu dalam bahasa Inggeris daripada Melayu. Alasan-alasan untuk pendapat ini memang pelbagai, tetapi saya kira bahawa sebabnya untuk pemikiran begitu lebih rumit daripada penjajahan berbentuk baru.

Beberapa perkara mengenai media massa dan globalisasi memang rumit dan susah, tetapi jikalau para cendekiawan tidak menumpukan perhatian kepadanya dan terus-menerus membuat kritikan sistem global, akibatnya lebih buruk lagi.